



BULETIN

POLITEKNIK PORT DICKSON DIS 2016-MEI 2017

Selamat Datang

“ PENERUS LEGASI
KECEMERLANGAN ”

PEMBINAAN
RUMAHIBS - DIY
BERSAMA INDUSTRI **MS3**

PROGRAM
BERSAMA
CEO FAKULTI **MS5**

KARNIVAL
OLAHRAGA
MSP 2017 **MS12**



Sekalung Budi

السَّلَامَةُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Salam Sejahtera

Bersyukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Buletin Politeknik Port Dickson dapat dikeluarkan. Tahniah dan ucapan penghargaan saya tujukan kepada semua yang terlibat dalam menyediakan bahan terbitan ini yang merupakan bahan rujukan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh semua jabatan.

Ini adalah sejajar dengan visi dan misi PoliPD bagi melahirkan individu terbilang dalam sistem pendidikan TVET di Negara kita.

Politeknik sebagai tunggak utama sektor pendidikan TVET telah berkembang sejajar dengan perkembangan ekonomi sesuatu tempat. Begitu juga dengan perkembangan PoliPD yang berjaya melahirkan modal insan yang seimbang dalam menjana ekonomi untuk menjadi Negara ekonomi berpendapatan tinggi. Ini disokong pula dengan pelbagai aktiviti iringan oleh pelajar dan pensyarah sebagai nilai tambah kepada pendidikan dan pembelajaran.

Kemampuan bagi melonjakkan politeknik amat bergantung kepada kekuatan modal insan yang terdiri dari para pelajar dan juga para pensyarah. Insha Allah, dengan komitmen dan kerjasama ke dua-dua pihak ini akan melestarikan lagi kegemilangan politeknik kita.

Akhir kata, saya merasa sungguh teruja dan berbangga dengan pencapaian PoliPD selama ini bagi menjadi salah satu organisasi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik naungan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang sentiasa melakar nama di persada antarabangsa.

Sekian, Terima kasih
ROSLEE BIN YAHYA
 Pengarah Politeknik Port Dickson

Visi Politeknik Port Dickson
 Menjadi institusi TVET unggul bertaraf global

Misi Politeknik Port Dickson

- Menghasilkan graduan TVET berkualiti, holistik dan seimbang serta berciri keusahawanan yang memenuhi keperluan negara.
- Membangun dan melestarikan kerjasama pintar dengan pihak berkepentingan dalam dan luar Negara.
- Memberi manfaat kepada masyarakat melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
 TUAN ROSLEE BIN YAHYA

PENASIHAT
 PUAN YUSMA BINTI YUSOF
 TN HJ MOHD ASRI BIN SARBUN

PENYELARAS&KETUA EDITOR
 PUAN ROSNIYATI BINTI ABD RAZAK

PEN. KETUA EDITOR
 NAGARAJAN A/L MARIMUTHU


SETIAUSAHA
 PUTERI NUR ADILATUL ATRAS BT MEGAT HAMARI

EDITOR
 AZILAH BINTI ASRI
 NOOR HASANAH THAM SHU-YIN
 JUHANA BINTI SIMARANI
 AZHARIZAL BIN SANTIB
 MARWANUL HAKIM BIN MOHD HAKIM
 NORAINI BINTI ISMAIL
 PARAMESWARI A/P SHUNMUGAM
 NORHAFIZ BIN KANAFI
 HJH NOOR AZIZAH BT IBRAHIM (JMSK)
 FAKHRIAH BT MUHSIN (JKA)
 SITI NOORAIN BT HARUN (JKA)

REKABENTUK GRAFIK
 AZRIN BIN MOHAMMAD
 MUHAMMAD HAFIZZI BIN JAMIL

JURUFOTO
 MOHD SANI LAILI BIN MASLON

Karnival Jabatan Pengajian Am



Januari 16 - Karnival JPA adalah program yang dijalankan setiap semester anjuran Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Port Dickson. Sepanjang perjalanan karnival, terdapat pelbagai aktiviti yang diadakan dan disertai oleh ramai pelajar iaitu Nasyyid Lelaki dan Perempuan (16/1/2017), Language Games (17/1/2017), Pidato (18/1/2017) dan Tilawah Lelaki & Perempuan (19/1/2017). Bagi Language Games, para pensyarah Bahasa Inggeris membuka 7 gerai di mana di setiap gerai terdapat permainan Bahasa Inggeris yang menarik dan menyeronokkan seperti Boggle, Word Grab dan Dance & Speak! Language Games ini diadakan di Foyer Blok Akademik dan ianya terbuka kepada semua pelajar yang mempunyai masa lapang. Pelajar yang menyertai aktiviti – aktiviti mendapat hadiah saguhati sebagai tanda penghargaan. Nasyyid, Pidato dan Tilawah pula diadakan atas kendalian Pensyarah Pendidikan Islam. Selain daripada untuk mencungkil bakat, para peserta pertandingan akan mempunyai peluang dipilih sebagai wakil Politeknik Port Dickson dalam pertandingan pertandingan akan datang.



Pembinaan Rumah IBS – DIY Bersama Industri

11 Februari - Projek pembinaan rumah IBS ini dilaksanakan melibatkan dua fasa dan melibatkan industri yang berbeza. Projek pembinaan rumah IBS-DIY ini dijalankan dengan kerjasama oleh syarikat NS Bluescope (M) Sdn. Bhd. bersama dengan Superspan Sdn. Bhd. dan Ajiya Bhd. Projek ini mendapat pembiayaan sepenuhnya oleh pihak industri sebagai sumbangan CSR dalam kecemerlangan akademik di politeknik. Fasa pertama projek ini melibatkan 56 orang pelajar dari JKA dan JKE bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada sistem pembinaan IBS yang terkini dan lebih yang mudah berbanding sistem pembinaan konvensional. Manakala fasa kedua pula melibatkan 20 orang pelajar dari JKA dan JKE dibantu oleh pensyarah dari JKA, JKE dan JMSK serta 4 orang pekerja mahir dari syarikat Ajiya Bhd. Projek pembinaan rumah IBS ini menggunakan kaedah pembinaan IBS (Ducero® Homes) berkonsep dry wall di mana struktur dinding diperbuat dari komponen cement board (bahagian luar) dan gypsum board (bahagian dalam). Struktur utama rumah ini menggunakan struktur keluli tahan karat yang dikeluarkan oleh NS Bluescope Sdn. Bhd. Proses pembinaan turut dibantu oleh pensyarah dari JKA, JKE dan JMSK serta 2 orang pekerja mahir dari syarikat Superspan Sdn. Bhd. sebagai pembimbing. Sepanjang proses pembinaan ini, pelajar-pelajar telah didedahkan dengan kaedah pemasangan struktur rumah IBS secara hands-on. Pihak ABM dan CIDB Wilayah Tengah juga turut serta memantau pelaksanaan projek ini memandangkan semua yang terlibat akan dianugerahkan sijil SKK dari CIDB sekiranya lulus ujian yang telah ditetapkan. Dengan adanya sijil SKK dari CIDB, para pelajar akan dapat dilengkapi lagi dengan nilai tambah yang baik sebelum menceburi bidang pekerjaan nanti. Dalam pembinaan ini, Komponen IBS yang digunakan adalah keluli untuk binaan struktur kerangka dan kuda bumbung, papan panel simen (cement board) dan papan panel gypsum (gypsum board) untuk binaan struktur dinding. Tempoh pembinaan bagi komponen IBS adalah selama 12 hari sahaja mulai proses mendirisiap kerangka keluli di tapakbina (11 hingga 26 Februari 2017).



Perkukuh Pengetahuan Perbankan Islam di Muzium Bank Negara

20 Feb - Lawatan ke Muzium Bank Negara, Kuala Lumpur oleh pelajar Diploma Perakaunan semester 1 dan 6 telah berjaya memberi impak kepada peserta mengenai cara pengurusan dan perancangan kewangan berkonsepkan perbankan Islam di Malaysia. Disamping itu juga pelajar mendapatkan maklumat mengenai kegiatan dan kepentingan ekonomi pada masa kini. Lawatan ke Bank Negara ini diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali dan mempelajari tentang kepentingan ekonomi, perbankan Islam, dan perancangan kewangan bersama-sama Bank Negara yang memainkan peranan penting dalam membina kefahaman melalui transformasi polisi ekonomi pada masa hadapan.



Program Beauty Touch DSK



21 Feb - Pelajar Event Management DSK 5A Jabatan Perdagangan telah menganjurkan Program Beauty Touch dengan menjemput syarikat Master Areena dan pelakon Lisdawati sebagai tetamu jemputan khas bagi memberikan motivasi penampilan diri dan kesahawanan di Dewan Wawasan, Politeknik Port Dickson. Pensyarah, Pn Norji Japar menyatakan program kali ini menampilkan artis dan usahawan berjaya yang boleh dijadikan contoh kepada masyarakat dan pelajar disamping memberikan khidmat sosial dalam aspek perkongsian ilmu. Dalam program tersebut Lisdawati berperanan menyampaikan ceramah berkenaan Beauty Talk serta menjadi juri kepada Pertandingan Beauty Touch. Beliau menyatakan rahsia kejayaan beliau adalah dengan membuang sikap malas dan bergantung kepada seseorang, rajin bertanya sesuatu yang sedang diusahakan dari awal hingga berjaya dan sentiasa berdamping dengan orang-orang yang positif. Program dimeriahkan dengan pertandingan Beauty Touch oleh pelajar DSK bertemakan Dolly Look Theme. Turut mempamerkan produk kecantikan dan tudung Felicestyleshawl artis berkenaan. Hadiah menarik berupa barangan makeup lengkap.



Sales Apprenticeship JP Dengan L'Beyla Legacy Sdn Bhd



22 Feb - Kerjasama dua hala antara Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson dengan L'Beyla Legacy Sdn Bhd., Bandar Baru Bangi, membina jaringan industri sebagai suatu usaha murni ke arah mewujudkan peluang ahli akademik serta pelajar bergiat secara proaktif dan konsisten ke arah satu perkongsian kepakaran. Pemilihan 73 pelajar JP semester 3 diploma pemasaran menepati kehendak pnp DPM 3013 Sales Management. Pelajar di bawah pengelolaan dan pengawasan pemilik bersama L'Beyla Legacy, Dato' Iskandar Hussien Mohamed Hussien sebanyak tiga sesi iaitu sesi bermula 27 Februari dan berakhir 22 Mac 2017 di mana program ini merupakan suatu aktiviti pembelajaran dalam situasi yang sebenar dan dapat membina masa depan pelajar. Sesi pertama taklimat berkenaan "L'Beyla Company and product knowledge sharing" oleh Dato' Iskandar sendiri, sesi kedua iaitu sesi pelaksanaan bermula 1-15 Mac di mana pelajar mempraktikkan proses jualan dalam situasi sebenar secara bersemuka dan atas talian. Sesi akhir dilaksanakan pada 23-24 Mac adalah penyediaan laporan jualan dan penilaian dimana pelajar melaksanakan aktiviti jualan persendirian dalam kumpulan dan mempraktikkan proses jualan sebagaimana yang telah mereka pelajari. Pengarah projek, Puan K.Devaki menyatakan impak kepada jalinan ini sangat positif dan memberi banyak faedah kepada kedua belah pihak dalam mencungkil dan membangunkan bakat pelajar di bidang mereka selain mewujudkan persekitaran pembelajaran sosial yang kondusif.

Ceramah Pensyarah Dihormati, Pelajar Disayangi



24 Feb. - Unit Bimbingan dan Kaunseling Jabatan Matematik, Sains & Komputer telah menganjurkan Program Ceramah Pensyarah Dihormati, Pelajar Disayangi. Program ini telah diadakan di DK4, PPD dan dihadiri oleh 300 pelajar PPD 20 pelajar dan 2 guru pengiring dari Sekolah Menengah Agama Telok Kemang, Port Dickson serta pensyarah dan staf Politeknik Port Dickson. Penceramah bagi program ini ialah Encik Syamsul Amri atau lebih dikenali sebagai Syamsul Debat. Beliau telah menyampaikan beberapa tips bagaimana untuk menjadi pelajar yang disenangi oleh pensyarah. Di akhir program ini, para pelajar telah mendapat pengetahuan untuk menjadi pelajar yang disayangi oleh pensyarah agar proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku antara pelajar dengan pensyarah dapat dilaksanakan dengan berkesan.



Program Bersama CEO Fakulti




27 Feb - Program perkongsian ilmu Bersama CEO Fakulti 2017, Seminar Bersama Ikon Jabatan Perdagangan pada kali ini menjemput Tan Sri Muhammad Ali Hashim CEO Johore Corporation

Beliau telah menyampaikan ceramah bertajuk "Superman vs Khalifah: Introduction to the Business Jihad" dan program ini berlangsung di Dewan Kuliah 4. Selain memperkenalkan bukunya 'Strategi Jihad Bisnes', beliau turut memperkenalkan Waqaf Korporat merupakan sebuah institusi yang dibangunkan untuk memperkasakan umah. Menurutnya "bisnes bukan sekadar mencari keuntungan tetapi bisnes adalah sesuatu jihad".

Program Pemuliharaan Ekosistem (Penanaman bakau dan pembersihan) di Pesisir Pantai Tanjung Tuan



1 Mac – Seramai 30 orang pelajar bersama 25 orang staf Jabatan Matematik Sains dan Komputer telah terlibat di dalam aktiviti ini yang mendapat kerjasama dari Jabatan Perhilitan Negeri Melaka. Aktiviti yang dijalankan di Pejabat Rezab Hidupan Liar Tanjung Tuan Melaka, Batu 10, Jalan Pantai, Tanjung Biru Si Rusa Port Dickson ini bertujuan memupuk kesedaran pelajar dan pensyarah politeknik mengenai kesedaran memulihara ekosistem alam terutamanya berkaitan dengan hakisan pantai. Aktiviti kali ini adalah di peringkat Fasa ke 4 yang mana Fasa 1,2 dan 3 telah dilaksanakan pada 12 November 2015 di mana sebanyak 500 anak benih bakau telah ditanam. Fasa 4 ini adalah merupakan proses pemantauan dan pembersihan. Proses pemantauan dilakukan bagi memastikan pokok bakau yang ditanam hidup dan mengikut jarak yang ditetapkan. Bagi anak pokok yang mati, proses penanaman semula atau sulaman anak benih telah dilakukan. Sebanyak 70 anak benih bakau telah digunakan bagi proses sulaman ini. Selain itu kerja-kerja pembersihan telah dilakukan sekitar tapak bakau . Fasa ini akan berterusan sehingga anak pokok bakau besar.



The English Drama Boot Camp 2017

2 Mac – Program English Drama Boot Camp telah dilaksanakan oleh Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am. Peserta-peserta di dalam kem ini telah diberikan pendedahan tentang teknik-teknik persembahan pentas. Satu persembahan 'mock' telah dijalankan pada 3 Mac dan aktiviti ini telah memberi pengalaman baru kepada para peserta. Peserta yang terlibat telah menggunakan teori lakonan yang dipelajari ke dalam lakonan mereka berdasarkan skrip yang diberikan oleh pihak penceramah. Penceramah telah memberikan maklumbalas yang konstruktif ke atas persembahan yang dibuat oleh pelajar yang membolehkan pelajar memperbaiki kesilapan mereka. Satu lagi sesi latihan telah dijalankan pada 6-13 Mac di mana peserta dapat berjumpa dan mendapat khidmat nasihat secara peribadi dari fasilitator mereka. Ini membolehkan mereka membuat persediaan yang secukupnya bagi menghadapi pertandingan dan juga membolehkan mereka berlatih dengan rakan sepasukan yang lain.





Lawatan berpandu ke Politeknik Sultan Azlan Shah dan Politeknik Ungku Omar bersama ahli Kelab Sahabat Perpustakaan

3 Mac - Satu lawatan jalinan kerjasama 3 penjurua telah diadakan oleh Kelab Sahabat Perpustakaan PoliPD, Kelab Perpustakaan Politeknik Sultan Azlan Shah dan Kelab Korpus Politeknik Ungku Omar. Antara pengisian yang dijalankan termasuklah Info Hunt dan perlawanan boling antara kelab. Namun begitu antara objektif utama adalah perkongsian pengalaman dan aktiviti setiap kelab. Curahan idea dalam membantu perpustakaan menjadikan setiap ahli berasa seronok walaupun menjadi sukarelawan kepada perpustakaan.

Pelajar DSK sertai Pertandingan PSISSteno



7 Mac - Tiga orang pelajar DSK bersama seorang pensyarah pengiring telah menyertai pertandingan dalam kemahiran speed typing, document processing, shorthand dan trengkas di Politeknik Sultan Idris Shah, Perlis sempena Minggu Kesetiausahaan PSIS 7-9 Mac 2017. Tujuan pertandingan ini adalah untuk pelajar mengaplikasikan dan kemahiran mereka dalam bidang stenography. Pelajar berkenaan ialah Farah Nazurah Lokman, Syahidatul Anum Abu Zarin dan Khairul Haqqim Zul Aziz bersama pensyarah pengiring Pn Azwina Amin.



Hari Inovasi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Sesi Disember 2016

9 Mac 2017 - Pada hari ini telah berlangsung Hari Inovasi JKM yang merupakan satu program yang memberi peluang kepada pelajar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal mempamerkan projek semester akhir mereka kepada semua warga politeknik. Seramai 151 orang pelajar dari kursus DAD, DKM, DTP, dan DEM telah mempamerkan hasil inovasi mereka dan dinilai oleh panel-panel dalam dan luar yang dilantik. Program ini diharap dapat melahirkan graduan yang mempunyai keterampilan dalam menghasilkan projek-projek berinovasi. Selain mempamerkan hasil inovasi mereka, pelajar juga mendapat pendedahan maklumat-maklumat terkini dari panel-panel jemputan dari industri. Pelajar juga dapat menonjolkan diri dalam proses pembentangan dan meningkatkan dalam kemahiran komunikasi. Disamping itu juga program ini dapat merapatkan hubungan antara politeknik dan pihak industri.





Seminar Teknologi & Selenggaraan Gear

11 Mac - Melalui seminar yang dijalankan, pelajar dapat mendalami ilmu dan pengetahuan dari segi teknologi gear yang berada di industri pada masa ini dan di masa akan datang. Pelajar juga dapat melihat kepentingan gear di dalam industri serta contoh yang diamalkan di industri di samping dapat membuat dan mempelajari keperluan dalam rekabentuk gear di industri. Seminar yang dikendalikan oleh Crescent Gear Solution Sdn. Bhd ini disasarkan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus *Engineering Design*, *Vehicle Dynamics* dan *Power Transfer Mechanism*.

Program Khidmat Sosial (Jualan Amal Rm1.00 Anjuran Proton Edar)

11 Mac - Program Khidmat Sosial (JUALAN AMAL RM1.00 ANJURAN PROTON EDAR) yang diadakan dengan kerjasama Proton Edar ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengendalikan aktiviti sosial bagi meningkatkan kesedaran dalam memberi khidmat kepada komuniti. Ini seterusnya dapat membina nilai-nilai murni yang amat berguna apabila para pelajar keluar menempuhi alam kerjaya kelak. Selain itu, program ini juga dapat mendedahkan dan melatih para peserta untuk mengaplikasikan ilmu kepimpinan yang dipelajari. Program yang dijalankan di Tapak Letak Kereta berhadapan CIMB Kuala Pilah ini disasarkan kepada pelajar pemasaran yang sedang mengambil kursus DPM3013 *Sales Management*.



Tanjung Tuan Jungle Cleanup

11 Mac 2017 - Satu program berbentuk khidmat masyarakat telah dianjurkan oleh JKE yang telah dijayakan oleh pelajar-pelajar dan para pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Port Dickson, wakil dari Jabatan Perhilitan Melaka dan Kelab Orang Hutan Malaysia. *Corporate Social Responsibility Programme* yang dinamakan sebagai *Tanjung Tuan Jungle Cleanup* diadakan bagi memberi kesedaran kepada para pelajar betapa pentingnya penjagaan alam sekitar dari aspek pembangunan kejuruteraan. Antara pengisian di lokasi CSR adalah seperti membersihkan pantai, mengutip sampah di sepanjang pantai dan aktiviti *raptor watch*. Program yang dimulakan sejak awal pagi ini dilihat mampu menyemai semangat kemasyarakatan, tanggungjawab sosial dan mendekati masyarakat luar di samping menanam dan menyemai rasa tanggungjawab dan kasih sayang terhadap alam sekitar.

JKE di iCompEx 2017

21 Mac - Sekali lagi JKE telah menyertai pameran dan pertandingan *National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx) 2017* yang diadakan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra Kedah pada 21 – 23 Mac 2017 yang lalu. Terdapat 2 kategori penyertaan iaitu kategori terbuka (berkonsepkan pertandingan dalam pameran) dan kategori pembentangan kertas penyelidikan inovasi pensyarah. Penyertaan JKE dalam pertandingan kali ini membuahkan hasil apabila semua penyertaan dari kumpulan pelajar dan pensyarah ini berjaya mendapat pingat emas.

Seminar Emerging Consumerism In The Next Millenium VIII

14 Mac- Seramai 62 pelajar program Diploma Pemasaran semester 3, Politeknik Port Dickson dan pelajar program DRM semester 4, Politeknik Nilai menghadiri seminar bertajuk "*Seminar In Emerging Consumerism In The Next Millenium Viii*" anjuran Gerakan Pengguna Siswa Politeknik Port Dickson di Dewan Kuliah 6 pada 14 Mac 2017. En Razif Jantan, KPDNKK Negeri Sembilan menerangkan mengenai Gerakan Konsumerisme di Malaysia berkaitan hak-hak pengguna, badanbadan buka kerajaan yang terlibat dalam gerakan kepenggunaan dan isu-isu kepenggunaan di Malaysia. Program pada sesi petang ini memberikan impak positif kepada pelajar di mana mereka mendapat pendedahan tentang isu-isu kepenggunaan dalam pasaran sekarang, pendekatan yang telah, sedang dan akan digunakan bagi menangani permasalahan kepenggunaan.



Seminar Teknologi & Selenggaraan Bearing SKF

17 Mac - Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pengenalan berkenaan bearing kepada pensyarah dan pelajar Politeknik Port Dickson yang terlibat dalam menggunakan peralatan ini. Adalah penting bagi pensyarah dan pelajar mengetahui lebih mendalam berkaitan peralatan ini daripada pihak industri itu sendiri. Justeru itu, penceramah yang memberi penerangan ini merupakan seorang pegawai yang mempunyai pengalaman industri yang luas di dalam bidang ini. Disamping itu juga dapat seminar ini dapat melengkapkan beberapa tajuk di dalam *Engineering Design, Mechanical Component & Maintenance, Vehicle Dynamics* dan *Basic Power Electronics* yang diajar kepada pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Aktiviti Sosial Dalam Komuniti



13 April - Program ini diadakan untuk membawa politeknik dan masyarakat membina ukuwah serta memacu semangat kesukarelawan. Di samping Politeknik sebagai agen mentransformasi masyarakat, aktiviti seumpama ini juga mampu menyelesaikan masalah sosioekonomi masyarakat, menyalurkan kepakaran dan kemahiran serta memberi peluang kepada kakitangan politeknik dan masyarakat bekerja bersama-sama dalam pelbagai bidang ke arah keharmonian dan kesejahteraan hidup. Program yang dilaksanakan ini melibatkan kakitangan wanita JKM dan dijalankan di Masjid Kg. Sawah Sunggala, Port Dickson.



Pameran International Construction Week (Icw) 2017

14 April - Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) telah mengadakan lawatan sempena *International Construction Week 2017* yang berlangsung dari 12 – 14 April 2017 yang lepas. Seramai 25 orang pelajar dan 8 orang pensyarah yang diketuai oleh Ketua Program DKA telah menyertai lawatan ini yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pameran ini mengumpulkan banyak produk inovasi dan teknologi terkini dalam terutama dalam bidang pembinaan daripada industri tempatan dan antarabangsa. Dalam kata lain, ICW ini merupakan satu hub serantau bagi pembinaan dan pembangunan serta pembekal bahan industri di Asia Tenggara. Ia merupakan pameran bersepadu bagi industri pembinaan, rekabentuk mampan dan pembinaan hijau yang telah disertai oleh lebih 100 syarikat. Justeru itu, banyak maklumat dan ilmu yang telah diperolehi sepanjang lawatan ini diadakan. Para pelajar juga telah didedahkan dengan beberapa inovasi dalam pembinaan yang boleh dijadikan input dalam persediaan menjalankan projek akhir nanti disamping melihat sendiri inovasi dan teknologi terkini dalam sektor pembinaan. Selain itu, pelajar juga turut serta dalam ceramah pembinaan oleh pakar-pakar dalam menambah ilmu sedia ada.





Lawatan kerja ke Pusat Sumber KPT Putrajaya, Pusat Sitasi Malaysia dan Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Putrajaya

19 April - Satu lawatan penanda aras dan jalinan kerjasama telah dilaksanakan dengan disertai oleh semua staf Perpustakaan PoliPd. Lawatan ke Pusat Sitasi Malaysia (PSM) telah di layan dengan baik oleh Ketua Pusat Sitasi Prof. Madya Dr. Zuraidah Manaf dan Tn. Hj. Valentino Abu Bakar. Antara objektif lawatan adalah untuk melihat peranan dan fungsi PSM didalam mengumpul dan menyebarkan maklumat melalui laman web www.myjurnal.my. Seterusnya lawatan ke Pusat Sumber KPT Putrajaya staf dapat melihat suasana sebuah perpustakaan jabatan yang eksklusif. Perpustakaan ini berperanan menyimpan tesis dan disertasi pensyarah IPTA yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan PhD. Lokasi terakhir yang dilawati adalah Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Putrajaya. Lawatan yang disambut oleh Pustakawan Encik Edy Irwan ini memfokuskan tentang perkhidmatan yang disdiakan oleh perpustakaan mahkamah khususnya kepada para hakim dan majistret.

Karnival Olahraga Majlis Sukan Politeknik (MSP) 2017

21 April - Kejohanan Olahraga MSP 2017 telah dianjurkan oleh Politeknik Kota Kinabalu (PKK) dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik (MSP), JPP. Kejohanan ini merupakan acara dwitahunan dan merupakan medan pencarian bakat atlet olahraga bagi mewakili pasukan MSP ke Kejohanan SIPMA 2017 dan SukiPT 2018 serta lain-lain kejohanan di peringkat IPT/Kebangsaan. Kejohanan ini akan memberi peluang dan ruang kepada semua atlet olahraga Politeknik Malaysia amnya dan Politeknik Port Dickson khususnya untuk mengembangkan bakat mereka ke peringkat lebih tinggi. Selain itu, atlet olahraga ini akan dapat memperbaiki catatan peribadi terbaik (personal best) dan mencipta rekod baru kejohanan. Sesi latihan pusat bagi Pasukan Olahraga PPD telah dijalankan sebanyak 3 sesi bermula dari 6-8hb Februari 2017, 27-29hb Mac 2017 dan 15-18hb April 2017. Pasukan juga telah dibimbing oleh jurulatih olahraga sambilan, En Danial b Nordin bagi memberi latihan dan teknik larian yang lebih baik kepada semua atlet PPD. Ia selaras dengan usaha untuk memperbaharui catatan peribadi terbaik dalam kejohanan ini. Atlet juga dapat mempelajari sesi regangan yang lebih mudah dan sempurna serta dapat mengelakkan daripada sebarang kecederaan. Dalam kejohanan ini, pasukan PPD memenangi satu pingat perak menerusi acara 4x100m (terbuka staf) dan satu pingat gangsa bagi acara lompat tinggi lelaki (menerusi Mohd Latiffi bin Baharom).



